

JPS mula kajian mendalam Sungai Bonus

KUALA LUMPUR 5 Mei - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan turun ke dalam sungai bawah tanah, Sungai Bonus di Kampung Baru bagi mengkaji mengapa ia mengandungi terlalu banyak air sehingga menyebabkan mendapan tanah.

Sumber daripada JPS Wilayah Persekutuan memberitahu, kerja itu akan mengambil masa dua hari bermula hari ini untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi.

"Kami akan turun dan tengok apa yang berlaku di bawah sana sehingga menyebabkan air terlalu banyak. Keadaan itu terjadi kerana mungkin terdapat saluran yang tersumbat.

"Masalah di sini adalah kan-

dungan air yang terlalu banyak sehingga menyebabkan hakisan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai kejadian tanah mendap yang berlaku di Kampung Pindah, Kampung Baru pada malam 14 April lalu.

Tanah mendap itu terjadi selepas berlaku hujan lebat sejak petang hari itu, membuatkan Jalan Syed Mahadi yang bahagian bawahnya terdapat sungai bawah tanah (Sungai Bonus) mendap serta membentuk dua buah lubang besar.

Akibat kejadian itu, penduduk kampung tersebut telah diarahkan berpindah bagi menjamin keselamatan mereka.